

Pengundi Melayu puas hati kepemimpinan Anwar, Amirudin

Endeavour-MGC kongsi hasil tinjauan babitkan 1,068 responden

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Satu tinjauan bagi menilai sentimen pengundi Melayu di Selangor mendapati sebahagian besar berpuas hati dengan keseluruhan kepemimpinan Kerajaan Perpaduan diterajui Datuk Seri Anwar Ibrahim pada peringkat Persekutuan dan Datuk Seri Amirudin Shari di Selangor.

Hasil tinjauan Endeavour-MGC seperti dilaporkan sebuah portal berita semalam, menunjukkan 69 peratus daripada 1,068 responden berpuas hati prestasi Anwar sebagai Perdana Menteri dan 68 peratus lagi berpuas hati terhadap Kerajaan Perpaduan yang dipimpinya.

Hanya 30 peratus dan 31 peratus responden kurang berpuas hati, masing-masing dengan prestasi keseluruhan Anwar sebagai Perdana Menteri dan pres-



tasi keseluruhan kerajaan pimpinannya, manakala satu peratus berkecuali bagi kedua-dua soalan tinjauan itu.

Dalam kaji selidik pada 12 hingga 18 Jun lalu membabitkan keseluruhan responden Melayu itu, 50 peratus responden turut memilih Anwar sebagai pilihan menerajui negara waktu ini, diikuti Pengerusi Perikatan Nasional (PN), Tan Sri Muhyiddin Yassin (16 peratus) dan Datuk Seri Najib Razak (9 peratus).

Setuju PH-BN sepakat

Kaji tinjauan pendapat yang sama juga menunjukkan, 69 peratus responden bersetuju dengan keputusan Pakatan Harapan (PH) dan Barisan Nasional (BN) untuk membentuk kerajaan pusat selepas Pilihan Raya Umum (PRU) lalu.

Bagi topik pentadbiran di Selangor pula, 68 peratus responden berpuas hati dengan prestasi keseluruhan kerajaan negeri di-

terajui PH, manakala 31 peratus tidak berpuas hati dan satu peratus berkecuali.

Seramai 70 peratus responden juga berpuas hati prestasi keseluruhan kerajaan negeri itu dan kepemimpinan Amiruddin, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Tua dan Naib Presiden PKR yang menerajui kerajaan Selangor sejak 2018, 28 peratus tidak berpuas hati dan satu peratus berkecuali.

Majoriti responden turut memilih beliau sebagai calon pilihan untuk terus menerajui negeri berkenaan selepas Pilihan Raya Negeri (PRN) kelak.

Beliau memperoleh 46 peratus, diikuti bekas Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin yang dipilih oleh 24 peratus responden.

Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz pula menjadi pilihan 10 peratus responden, manakala bekas Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dan Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli masing-masing menjadi pilihan enam peratus responden.

Sementara itu, tinjauan sama mendapati 61 peratus responden menyatakan parti sebagai pertimbangan paling utama mereka ketika mengundi bagi PRN. Se-

banyak 28 peratus responden mempertimbang calon yang berbanding, agama (7 peratus), ekonomi (3 peratus) dan bangsa (1 peratus).

Daripada keseluruhan responden, 45 peratus daripada kum-

pulan B40 dengan pendapatan isi rumah bulanan RM4,850 dan ke bawah; 40 peratus daripada kumpulan M40 (RM4,850 hingga RM10,959) dan baki 15 peratus daripada kumpulan T20 (RM10,959 dan ke atas).